

PM ajak rakyat rapat jurang antara kaum

BH-25/12/2006

Kongsi perayaan eratkan hubungan muhibah, perpaduan

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak rakyat merapatkan lagi jurang yang memisahkan mereka dan membina asas persamaan yang boleh menghubungkan masyarakat majmu di negara ini.

Perdana Menteri berkata, setiap rakyat perlu menghormati perbezaan fahaman agama serta latar belakang kaum dan pada masa sama, memperkukuh serta meraikan perpaduan dalam kepelbagaian itu.

“Muhibah yang wujud mesti sentiasa dipelihara dan diamalkan. Kita tidak boleh lupa bahawa kita berkongsi masa depan dan hala tuju sama,” katanya dalam perutusan sempena Hari Krismas yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Sebagai Perdana Menteri, kata Abdullah, beliau berjanji untuk terus mengembangkan sebuah masyarakat

progresif pelbagai kaum yang hidup dalam keadaan aman dan harmoni, penuh keyakinan dan bersaing.

Katanya, pada masa sama, tekad itu bagi mewujudkan masyarakat yang berpegang teguh kepada tradisi budaya yang diamalkan bersama.

“ Muhibah yang wujud mesti sentiasa dipelihara dan diamalkan. Kita tidak boleh lupa bahawa kita berkongsi masa depan dan hala tuju sama”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

“Krismas datang lagi. Saya ingin mengucapkan selamat Hari Natal kepada semua penganut Kristian. Saya percaya semua warga negara juga berbuat demikian.

“Sebagai rakyat Malaysia, keinginan dan tekad bersama kita untuk menikmati keamanan dan keharmonian di negara yang tercinta ini serta melahirkan muhibah dan sebenarnya menghulurkan persahabatan antara satu sama lain.

“Satu cara kita mencapai hasrat ini ialah berkongsi perayaan dengan semua rakyat tanpa mengira kaum dan fahaman agama yang berbeza,” katanya.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, dalam perutusannya berkata negara perlu memilih haluan kematangan, menerima semangat tolak ansur dan mengangap setiap isu sosial agama sebagai sebahagian daripada kita – sama ada yang baik atau yang buruk.

Ong berkata, Malaysia ketika me-

rayakan peristiwa agama seperti Krismas juga merayakan kebebasan beramal, beribadat dan melahirkan secara terbuka kepercayaan masing-masing.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata negara lain melihat Malaysia sebagai model sebuah negara bersatu dan aman dan setiap orang mesti memelihara imej itu.

“Ketika kita merayakan sambutan, kita hendaklah mendoakan kejayaan negara yang berterusan. Kita mesti terus memperkukuh hubungan kaum di negara kita,” katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata Krismas adalah perayaan nasional di Malaysia dan ini bukti wujudnya kepelbagaian budaya dan agamanya yang kaya.

Katanya, tidak banyak negara dikurniakan dengan apa yang ada di Malaysia dan beliau menggesa seluruh rakyat meneruskan tradisi mengunjungi sahabat handai sepanjang perayaan itu.